

<b>Headline</b>	<b>Rizab hutan simpan kekal dijangka meningkat</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>27 Nov 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Selangor &amp; KL</b>	<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>
<b>Page No</b>	<b>19</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>161 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,746</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 8,239</b>



## ***Rizab hutan simpan kekal dijangka meningkat***

KELUASAN hutan simpan kekal di Selangor dijangka meningkat kepada 250,501.18 hektar menjelang hujung tahun ini.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian berkata, ia selepas pertambahan dua hutan simpan Bukit Lagong dan Gombak Tambahan III.

“Pewartaan hutan simpan Gombak Tambahan III seluas 60 hektar adalah bagi kawasan penggantian ke atas pemansuhan hutan simpan kekal di Gombak bagi kegunaan tahan perkuburan.

“Ketika ini, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) giat melaksanakan proses mewarta tanah kerajaan Taman Alam di Kuala Selangor seluas 292.18 hektar untuk dijadikan hutan simpan kekal.” - Loy Sian



**JPNS giat melaksanakan proses mewarta tanah kerajaan Taman Alam di Kuala Selangor seluas 292.18 hektar untuk dijadikan hutan simpan kekal.”** - Loy Sian

untuk dijadikan hutan simpan kekal,” katanya menjawab pertanyaan mulut Elizabeth Wong (PKR-Bukit Lanjan) mengenai rizab hutan simpan kekal.

Loy Sian berkata, JPNS dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bertanggungjawab

memelihara dan menyeraikan kehadiran setiap pokok dalam Buku Diphrokerpa Terancam dalam negara.

“Hanya 19 spesis pokok sahaja dikategorikan sebagai endemik di Selangor. Selain itu, 24 spesis pokok shrub, 29 spesis pokok herba, lima (pepanjat), empat (epipfit) dan satu (pakis),” katanya.